



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Trimester & Year : January – April 2022
 Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 5 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Industri kraf tangan ialah kerja-kerja penghasilan barangan kraf tradisional. Industri ini merupakan sesuatu industri yang berpotensi besar untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat terutama masyarakat desa. Namun begitu, mentaliti masyarakat Malaysia kini lebih mendewa-dewakan produk kraf tangan moden dan berjenama antarabangsa. Hal ini merupakan satu ancaman terhadap industri kraf tangan tempatan. Kerajaan juga seakan-akan terlepas pandang akan potensi industri ini walhal industri kraf tangan juga boleh memajukan ekonomi masyarakat dan negara.

Pihak kerajaan boleh menubuhkan lebih banyak pusat kraf tangan dan menubuhkan pusat penyelidikan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dengan membuat kajian tentang meningkatkan produktiviti kraf tangan. Di samping itu, kerajaan juga boleh memberi pinjaman kewangan kepada mereka yang mengusahakan industri kraf tangan kerana secara tidak langsung industri ini turut membuka peluang pekerjaan apabila permintaan terhadap kraf tangan tempatan meningkat. Selain itu, kerajaan juga perlu menggiatkan usaha dengan mengadakan pameran secara besar atau kempen tentang kepentingan seni budaya seperti kraf tangan. Hal ini dikatakan demikian kerana dapat menggalakkan masyarakat lebih berminat dalam kraf tangan, bak kata peribahasa 'tak kenal maka tak cinta'. Seterusnya, media massa turut berperanan penting untuk menyebarkan maklumat tentang keunikan hasil kraf tangan. Pihak media massa boleh memaparkan rancangan di televisyen. Sebagai contoh, rancangan yang menunjukkan penghasilan kraf tangan dan proses perusahaan.

Kesimpulannya, industri kraf tangan dapat meningkatkan keuntungan negara. 'Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakah dapat sagunya', maka kita haruslah berganding bahu untuk memastikan industri kraf tangan terus hidup subur dalam negara kita.

1. Berdasarkan petikan di atas, apakah yang dimaksudkan dengan **mentaliti masyarakat**?
(2 markah)
2. Nyatakan **EMPAT (4)** usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan dalam meningkatkan industri kraf tangan tempatan berpandukan petikan tersebut.
(4 markah)
3. Berikan **DUA (2)** pendapat anda tentang kebaikan industri kraf tangan kepada rakyat Malaysia.
(4 markah)

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

TELEFON PINTAR

Wujudmu mengelamunkan angan-angan sedia
Menyembahkan igauan setiap insan tanpa mengira usia
Membantutkan permainan tradisional lama
Terleka terpaku dalam dambaan dunia maya
Menerokai **dunia tanpa sempadan** di hujung para
Walau apapun panggilan namamu telefon setia
Benar-benar membuat manusia alpa
Lantas keasyikan menelusuri alam maya
Telefon pintar tidak lekang di tangan
Di tempat awam, di bilik, di hospital, di taman, di kedai makan
Malahan di mana-mana jua radar dikesan

Kini kecanggihan pintar menerokai duniawi
Terbuai sudah manusia dek lambakan teknologi
Terowong waktu bakal merencana segala segi
Generasi abad kedua puluh satu pasti merubah lagi

1. Apakah frasa lain yang boleh dikaitkan dengan **dunia tanpa sempadan**?
(2 markah)
2. Berdasarkan petikan ini, nyatakan **DUA (2)** kebaikan dan **DUA (2)** keburukan telefon pintar.
(4 markah)
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** cara yang boleh dilakukan untuk mengatasi ketagihan telefon pintar dalam kalangan kanak-kanak?
(4 markah)

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan WAJIB dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. ubah (2 markah)
- II. mengubah (2 markah)
- III. diubah(2 markah)
- IV. berubah (2 markah)
- V. perubahan (2 markah)

(10 markah)

a) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Tuliskan jawapan yang betul di kertas jawapan.

1. Sebelum berbelanja, kita akan pembuat perancangan terlebih dahulu sebelum membeli barang di pasaraya.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

2. Kami menjadikan ibu pejabat kami sebagai bilik gerak COVID-19 sejak 27 March untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

3. Seramai 5 orang atlit mengalami cirit-birit dan muntah dipercayai akibat racun makan yang disajikan di kantin institut itu malam tadi.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

4. Semangat patriotism mampu menyumbang kepada perpaduan erat dalam kalangan generasi muda dan masyarakat ke arah berjaya dan kemajuan negara.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

5. Mereka yang terlibat dalam karnival selama empat hari itu adalah terdiri daripada para pengusaha agensi pelancongan, para berusaha produk pelancongan dan wakil daripada pelbagai hotel dan resort.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Belakangan ini, kes-kes penipuan di Internet semakin membimbangkan. Semakin ramai rakyat Malaysia yang menjadi mangsa penipuan, terutama warga tua yang dikatakan sebagai satu golongan yang mudah terpengaruh.

Bincangkan langkah-langkah yang sesuai diambil untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan internet.

ATAU;

SOALAN 2

Budaya kejiranan semakin lama semakin dipinggirkan disebabkan oleh perubahan dalam kehidupan masyarakat yang sentiasa sibuk. Kemosrotan nilai kejiranan ini akan menyebabkan ada segelintir masyarakat saling tidak mengenali antara jiran. Hal ini perlu dipandang serius kerana hubungan kejiranan yang baik akan mendatangkan pelbagai faedah.

Huraikan.

ATAU;

SOALAN 3

Dalam era teknologi yang kian rancak dengan pembangunan dan modenisasi ini, penggunaan bahasa Melayu yang betul hanya dipandang remeh oleh masyarakat. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca kian hilang.

Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab yang menyebabkan berlakunya pencemaran bahasa dalam kalangan masyarakat?